



**SOHBAH OLEH  
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL-HAQQANI**

**CONTROL YOUR HAND AND YOUR TONGUE  
KAWAL LAH TANGAN DAN LISAN MU**

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,  
Aużu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmaniir Raheem,  
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhamadin Sayyidul Awmalin wal Akhirin,  
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,  
Sheykh Abdullah Daghestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.  
Tariqatunā sobba, wal khayru fil jamiyya.*

Junjungan Kita Rasulullah ﷺ bersabda :

**الْمُسْلِمُ مَنْ سَلَّمَ النَّاسُ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ**

“Al-Muslimu man saliman nasu min lisanihi wa yadihi.” “Seorang Muslim adalah seorang yang dimana manusia akan selamat dari lisan nya dan tangan nya.” Mereka tidak mencederakan orang dengan tangan dan lisan mereka. Ada orang lisan nya lebih dashyat dari tangan mereka. Sesiapa yang menyiksa orang lain dengan lisan nya, mencemarkan dan memfitnah orang, dan yang mengacau orang bukan lah orang Muslim yang sejati. Keislaman dan Keimanan mereka belum mantap lagi.

Mereka harus mentaati kepada perintah dan nasihat Rasulullah ﷺ. Mereka harus melatih diri mereka untuk memperelokan kelakuan mereka, kerana anda tidak boleh mengakui diri mu sebagai seorang Muslim dan menyiksa orang lain. Mereka telah menonjolkan image orang Muslim sebagai buruk perangai nya. Sebenar seorang Muslim bukan lah begitu perilaku nya menurut Junjungan kita Nabi Muhammad ﷺ.

Seorang Muslim adalah seorang yang mempunyai ciri ciri perangai dan kelakuan yang indah. Mereka tidak mencederakan orang lain tanpa sebab dan tidak menyakiti orang lain. Seorang Muslim boleh mempertahankan diri sendiri dari penzalim, orang kafir dan orang orang yang tidak adil. Mereka boleh mempertahankan orang dengan lisan dan tangan mereka tetapi mereka tidak boleh sewenang wenang nya mencederakan orang dengan tangan dan lisan mereka. Mereka boleh menuntut hak mereka tetapi itu juga tertakluk kepada undang undang Islam.

Anda tidak boleh marah dan mencederakan sesiapa sahaja yang tidak membuat salah. Anda hanya boleh menuntut hak anda dari orang orang yang menzalimi anda atau mencederakan anda atau orang yang tidak bersalah. Ini anda boleh buat. Jika anda tidak boleh buat ini anda boleh rujuk mereka kepada Allah. Allah ﷺ akan pastikan mereka



**SOHBAH OLEH**  
**HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL-HAQQANI**

jawab pada hari pertimbangan. Allah ﷺ akan menyoal mereka dan anda akan menuntut hak anda dengan penuh kepastian. Jika Allah ﷺ kehendaki Dia boleh mendapatkan nya di dunia dan di akhirat, bila bila di kehendaki nya.

Sepertimana yang kami katakan, jagalah tangan dan lidah anda dan jangan menzalimi orang. Moga Allah ﷺ memberi kita kekuatan ini supaya kita dapat mengekang dan menahan hawa nafsu ego kita. Moga kita dalam perjalanan yang benar. Moga kita tidak menzalimi sesiapa pun dan tidak menipu hak orang lain, kerana kita akan dipersoalkan oleh Allah ﷺ atas hak orang dan kelakuan kita.

Wa Minallah at-Tawfeeq.

Al-Fatiha.

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil

2 January 2016 / 22 Rabiul Awwal 1437

Akbaba Dargah, Sabah Namaz